

Minyak Afiat telah diasaskan oleh **Allahyarham Haji Panjang Kamaruddin** sejak tahun **1924** yang mana kemudiannya telah diusahakan secara komersial oleh Allahyarham Tuan Haji Khalid bin Uda Ismail. Bermula secara kecil-kecilan beliau telah memperluaskan perniagaannya ke seluruh pelusuk tanahair. Perusahaan Minyak Afiat kemudiannya telah ditukarkan kepada **Syarikat Minyak Afiat Sdn. Bhd** dengan modal berbayar sebanyak RM229,000.00 pada tahun 1989. Sehingga tahun 1999, modal berbayar telah ditingkatkan kepada RM729,000.00.

Setelah ketiadaan Allahyarham, teraju pengurusan dan pentadbiran syarikat telah diambil alih oleh dua orang anak lelaki beliau. Bermula dari detik penyerahan itu **Syarikat Minyak Afiat Sdn. Bhd** telah mengorak langkah menuju ke arah pengkorporatan dan menuju jalan mencari arah pasaran di peringkat antarabangsa. Selaras dengan kehendak dan hasrat kerajaan, Syarikat Minyak Afiat telah membina sebuah kilang bertaraf **GMP (Amalan Perkilangan Baik)** yang mana syarikat ini adalah di antara kelompok pertama syarikat Bumiputera yang memperolehi pengiktirafan tersebut dari **Kementerian Kesihatan** Malaysia dalam tahun 1996.

Berbekalkan formula dan ramuan tradisi keluarga, produk-produk syarikat kini telah mampu bersaing dengan produk-produk perubatan moden. Produk keluaran syarikat ini telah dianalisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan dijamin selamat serta bersih untuk digunakan. Lantaran itu juga **Syarikat Minyak Afiat** telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (**MOU**) dengan **Universiti Sains Malaysia** pada 25 Ogos 1996 bagi memelihara mutu keluaran syarikat secara berterusan.

Di atas kesedaran dan permintaan yang memberangsangkan, syarikat telah mengeluarkan pelbagai jenis produk berasaskan herba dan makanan tambahan tradisional untuk kegunaan semua peringkat umur. Di antara produk-produk **Syarikat Minyak Afiat** adalah seperti **Minyak Afiat, Minyak Hangat Afiat, Set Bersalin Afiat dan Air Jamu Bawang Putih Bermadu**. Terkini syarikat juga ada menghasilkan produk-produk penjagaan diri seperti **Gel Mandian, Feminine Care, Syampu, Sabun, Balm** dan **Krim Afiat** hasil kerjasama dari SIRIM Berhad.

Sehingga kini **Syarikat Minyak Afiat** telah memperluaskan pasarannya ke seluruh negara termasuk Brunei dan banyak lagi pelanggan-pelanggan kecil di seluruh negara. Sebagai melebarkan lagi sayap perniagaan, pihak syarikat akan mengeluarkan produk-produk baru

berupa produk kosmetik, produk penjagaan diri serta produk makanan kesihatan baru berasaskan herba bagi memenuhi permintaan dan kecenderungan pengguna yang tinggi terhadap ubat-ubatan berasaskan herba. Dengan kerjasama daripada

SIRIM

Berhad sebagai sumber penyelidikan dan pembangunan projek-projek baru tersebut diharapkan dapat menyumbangkan ke arah memajukan lagi industri herba di Malaysia dan di peringkat global.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pengguna terhadap kredibiliti pengusaha industri herba, pihak syarikat juga telahpun mencapai pengiktirafan **ISO:9001:2008**

dari

SIRIM QAS International

bagi persijilan sistem pengurusan kualiti pada April 2003. Ini bermakna usaha yang bersungguh-sungguh terus diambil untuk menjadikan barangan berasaskan herba sebagai alternatif utama pengguna selain daripada barangan hasilan kimia sintetik.